

**BERITA ONLINE  
UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH: 09 MAC 2022 (RABU)**



## PM arah Mosti kaji benih padi tahan lasak



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan replika benih padi IS21 kepada wakil komuniti sempena majlis penyerahan di Felcra Seri Mahkota, Mersing. -UTUSAN/ RAJA JAAFAR ALI

MERSING: [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#) (Mosti) diarah membangunkan penggunaan varieti benih padi yang tahan lasak terutama bagi menghadapi bencana banjir yang tidak menentu ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beberapa negara seperti Filipina dan India sudah menggunakan padi tersebut yang didapati tidak rosak apabila ditenggelami air untuk beberapa ketika.

Kata beliau, Mosti dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) juga diminta mengkaji benih padi yang tidak memerlukan penggunaan air yang banyak bagi menjimatkan kos.

"Kita sebagai negara yang tidak menentu bila berlaku banjir ketika ini, kadang-kadang, waktu padi sedang meranum tiba-tiba ditenggelami air dan akhirnya padi atau anak-anak padi musnah.

"Saya minta Mosti lihat perkara ini iaitu (kalau berlaku) banjir sekali pun tanaman padi tidak rosak bila ditenggelami air. Ini juga boleh bantu pesawah mengelak kerugian seperti baru-baru ini banyak padi di sawah musnah akibat banjir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menyampaikan 500 guni benih padi IS21 seberat 20 kilogram (kg) setiap satu kepada wakil komuniti Endau di Felcra Seri Mahkota, Endau, hari ini.

Kata Perdana Menteri, sewaktu beliau berada di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dahulu, beberapa rancangan untuk menghasilkan benih-benih padi yang boleh meningkatkan pendapatan pesawah telah dilakukan.

"MARDI misalnya telah buat kajian iaitu menanam padi tidak di dalam sawah yang perlukan air bertakung, ia hanya perlu disiram sahaja seperti siram pokok bunga dan tak perlu tali air. "Kajian telah dilaksanakan dan ujian untuk padi ini telah saya lancarkan di Pulau Pinang dahulu iaitu padi tanpa guna air yang banyak. Cuma, ketika itu, dari segi hasil, agak rendah iaitu tiga hingga empat tan sahaja," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada petani dan pesawah yang bukan sekadar memberi subsidi kepada mereka, tetapi, memastikan kualiti padi dan pendapatan pesawah dapat ditingkatkan.

Sementara itu, benih padi IS21 yang dilancarkan pada 20 November lalu di Sekinchan, Selangor dihasilkan Agensi Nuklear Malaysia iaitu agensi di bawah Mosti yang dijana melalui teknologi nuklear.

"Alhamdulillah, pesawah dan petani yang telah menggunakan padi benih IS21 ini telah memberi maklum balas positif. Lebih istimewa, kos pengurusan sawah dapat dikurangkan memandangkan penanaman padi jenis ini tidak memerlukan penggunaan baja yang banyak. "Berdasarkan maklum balas ini, saya percaya, jika dilebar luas penggunaan benih padi IS21 di Endau, pesawah dan petani juga akan dapat menikmati manfaat daripada segi peningkatan pendapatan dan seterusnya taraf hidup mereka.

"Ia juga berpotensi menghasilkan padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan amalan kultura pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan," katanya. –[UTUSAN ONLINE](#)

